

31/07/1997

Hospital Pantai mahu bina lapan pusat diagnosis

HOSPITAL Pantai Bhd (Hospital Pantai) bercadang untuk membina lapan pusat diagnosis di Semenanjung menjelang akhir tahun ini.

Pengerusi Eksekutif yang juga Ketua Eksekutifnya, Mokhzani Mahathir, berkata langkah itu adalah untuk melengkapkan keperluan teleperubatan dan mengatasi kekurangan tenaga pekerja.

Syarikat itu juga bercadang menubuhkan lima pusat diagnosis kecil; yang setiap satu bernilai RM1.5 juta dan tiga pusat lain yang lebih besar bernilai RM5.5 juta setiap satu.

"Perkara terperinci lain seperti tapak bagi pusat diagnosis itu akan diputuskan akhir Ogos ini," katanya selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di Kuala Lumpur, semalam.

Mokhzani berkata, pihaknya juga bercadang untuk menyemak semula rancangan untuk mengembangkan perkhidmatannya ke Sabah dan Sarawak.

Katanya, Hospital Pantai juga merancang untuk melabur kira-kira RM10 juta untuk membina pusat kegiatan rangkaian teleperubatan di kawasan bersebelahan bangunan hospitalnya di Bangsar, Kuala Lumpur.

Menurutnya, bahagian teleperubatan yang akan dikendalikan adalah onkologi, patologi, radiologi dan kardiologi.

Kos pembinaan tapak baru itu kira-kira RM85 juta, katanya sambil menambah pelan kasar projek berkenaan akan diserahkan oleh jururunding Amerika Syarikat pertengahan bulan ini.

Katanya, penyedia teknologi bagi kemudahan teleperubatan itu dijangka menandatangani perjanjian akhir Ogos ini.

Beliau berkata, selain pusat diagnosis, Hospital Pantai juga akan membina dua hospital di Selangor dan Johor serta meningkatkan kemudahan sedia adanya untuk menarik lebih ramai doktor pada masa depan.

Menurutnya, pembinaan hospital di Johor membabitkan kawasan seluas enam hektar dan maklumat terperinci mengenainya dijangka diputuskan pada Ogos depan.

Pembangunan itu akan dibiayai oleh hasil pelupusan pegangan Hospital Pantai dalam Parkway Holdings Limited berpangkalan di Singapura, kira-kira RM686 juta, tunai. - Bernama

(END)